



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 17/1974**

**Penyediaan Dan Jagaan Kepada Daftar-daftar Pegangan Borang A –  
Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960  
(Disemak 2007)**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

## **Maklumat Dokumen**

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 17/1974
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

## Kawalan Versi Dokumen

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan**  
**Bilangan 17/1974**

**Penyediaan Dan Jagaan Kepada Daftar-daftar Pegangan Borang A –  
Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 (Disemak 2007)**

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihat Pentadbir Tanah dan Pengurus-pengurus Rancangan tentang penyediaan dan jagaan kepada daftar-daftar pegangan yang menggunakan Borang 'A' di bawah subseksyen 12(1) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

2. Subseksyen 12(1) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 membekalkan bahawa seseorang ataupun sesuatu badan akan berhak menduduki tanah desa atau tanah bandar (*rural or urban holding*) di dalam kawasan penempatan berkelompok, dengan harapan mendapat hakmilik bagi tanah itu apabila namanya atau nama pertubuhannya dimasukkan ke dalam daftar pegangan dalam Borang 'A' Akta tersebut. Catatan adalah dibuat di dalam daftar pegangan apabila pihak berkuasa pemberian milik membuat keputusan membenarkan tanah itu digunakan diduduki dengan harapan mendapat hakmilik baginya di bawah perenggan 10(1)(b). Syarat-syarat pemberian milik yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa adalah rekod yang penting bagi menyediakan daftar pegangan, bagi menguatkuasakan mana-mana syarat nyata atau sekatan kepentingan dan juga bagi menyediakan dokumen hakmilik kekal. Tidak terdapat satu ruangan di dalam daftar pegangan, iaitu Borang 'A' bagi mencatatkan syarat nyata dan yang demikian, untuk menguatkuasakan mana-mana syarat tersebut, rujukan kepada syarat-syarat pemberian milik yang ditetapkan adalah perlu.
3. Di bawah subseksyen 11(3) syarat nyata yang dikenakan di bawah Akta tersebut adalah terpakai kepada tanah itu dan pemegang tanah itu terpaksa patuh kepadanya. Syarat nyata ini akan mula berkuat kuasa daripada tarikh tanah itu diduduki dengan harapan mendapat milik yang diakui oleh satu daftar pegangan.
4. Adalah menjadi matlamat bahawa daftar pegangan disifatkan sebagai rekod kekal untuk menjadi; di antara lain, sebagai akuan untuk penyediaan dan keluaran dokumen hakmilik tetap. Oleh yang demikian, daftar-daftar tersebut mestilah disimpan di dalam bilik kebal untuk keselamatan dan hendaklah dijadikan tanggungjawab bahagian pendaftaran.
5. Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan untuk menentukan–
  - (a) adanya syarat-syarat pemberian milik bagi tanah pegangan desa atau bandar (*rural or urban holding*) yang diluluskan oleh pihak berkuasa pemberian milik sebelum membuat catatan di dalam daftar pegangan Borang 'A'; dan
  - (b) salinan-salinan surat yang mengandungi syarat-syarat pemberian milik disimpan dan dijaga dengan baik di Pejabat Tanah bagi maksud menguatkuasakan syarat-syarat nyata dan juga bagi penyediaan suratan hakmilik tetap;
6. Pentadbir Tanah dan Pengurus Rancangan dinasihatkan untuk bersama-sama memastikan daftar-daftar pegangan mestilah disimpan di dalam bilik kebal Pejabat Tanah atau rancangan tanah untuk keselamatan dan bagi daftar yang disimpan di Pejabat Tanah pula, bahagian pendaftaran diberi tanggungjawab menyimpan dan mengemaskinkannya.

**Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**